

# Gabung sektor pertanian dengan penjanaan tenaga

SERDANG – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) mencadangkan supaya sektor pertanian digabungkan dengan penjanaan tenaga fotovoltaik yang dilihat mampu meningkatkan kecekapan guna tanah sambil memajukan sektor tenaga boleh baharu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, inovasi sistem agrivoltaik itu menyokong objektif Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) untuk mempelbagaikan ekonomi, pertumbuhan inklusif dan kemajuan teknologi serta menggiatkan semula ekonomi luar bandar dengan aliran pendapatan baharu untuk petani.

"UPM (Universiti Putra Malaysia) sudah pun mengelolakan projek rintis yang dibiayai oleh Kementerian kita, mereka telah membuat banyak tanaman di bawah solar panel yang menghasilkan hasil pertanian yang



**FADILLAH (tiga dari kiri) pada majlis pelancaran Banci Pertanian 2024 di Serdang semalam.**

agak baik sebenarnya, seperti cendawan dan pelbagai lagi.

"Jadi ini kita mahu kembangkan disebabkan banyak ladang solar yang dibuka, kita mahu ga-

lakkan mereka adakan aktiviti, boleh sewakan tapak untuk buat pertanian sekali gus dan ini akan membantu menambah hasil tani sambil memberi kesan lebih baik

kepada solar panel," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Banci Pertanian 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang di sini semalam.

Pelaksanaan banci berkenaan adalah dari 7 Julai hingga 10 Oktober 2024, meliputi empat subsektor pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan akuakultur serta perhutanan dan pembalakan, melibatkan isi rumah pertanian dan pertubuhan/syarikat perniagaan.

Ia meliputi lebih 20,000 pertubuhan berdaftar, institusi, koperasi dan persatuan selain turut menyasarkan sekurang-kurangnya 1.3 juta tempat kediaman pengusaha dan pemilik pertanian.

Fadillah berkata, Banci Pertanian 2024 akan menghasilkan baseline (garis dasar) baharu, yang akan menyediakan statistik yang bertepatan masa dan reliable (boleh diharap) untuk peran-

cangan sektor pertanian negara.

Jelasnya, peratusan sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mengecil daripada 28.8 peratus pada 1970 kepada 6.4 peratus tahun lalu, meskipun nilai ditambah meningkat kepada RM141.9 bilion pada 2023 berbanding RM16.2 bilion pada 1987.

"Ini seiring dengan pertambahan penduduk Malaysia daripada 16.8 juta orang pada tahun 1987 kepada 34 juta pada tahun 2024.

"Sektor ini membekalkan makanan kepada rakyat, menyediakan peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pembekalan bahan mentah bagi industri yang berdasarkan sumber pertanian bagi memastikan keterjaminan makanan kepada 34 juta penduduk Malaysia," ujarnya.

Kali terakhir banci pertanian dilaksanakan di negara ini adalah pada tahun 2005.